

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 29 RABU 16 JULAI, 1969 1389 رابو 1 جمادي الاول PERCHUMA

SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN

D.Y.M.M. KE-23 TAHUN

BANDAR BRUNEI. — Beribu2 orang raayat dan penduduk negeri ini telah membanjiri Padang Besar, Bandar Brunei pagi semalam kerana menyaksikan upacara perbarisan kehormatan kerana memperingati hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-23 tahun.

Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah mengepelai perbarisan itu yang mengandungi pasokan2 keselamatan yang terdiri dari pasokan Pulis Di-Raja Brunei dan Betelian Kedua Pasokan Gurkha Rifles King Edward VII yang Kedua di-sertai dengan pasokan2 pencharagam masing2.

Turut mengambil bahagian dalam perbarisan itu ia-lah pegawai2 dan kakitangan Jabatan Marin, Jabatan Kastam, Pasokan Bomba, Palang Merah, pasokan Pengakap, Pandu Puteri dan Boys Brigade.

Lebih dari dua ribu kanak2 sekolah telah berbaris mengelilingi Padang Besar, Bandar Brunei.

Dalam masa perbarisan itu berlangsung, lima buah pesawat helikopter telah terbang rendah bagi memberikan penghormatan kerana menyambut perayaan hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda itu.

Perbarisan tersebut ada-lah dibawah arahan Major C. Lindsay dari Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berangkat ka-Padang Besar pada pukul 9.10 pagi dan sa-jurus sa-telah itu Baginda di-iringkan ka-Pentast Di-Raja yang di-bena khas untuk menerima tabek kehormatan. Sa-telah itu Baginda pun berangkat untuk memeriksa perbarisan tersebut dengan iringan lagu2 yang berentak mach yang dimainkan oleh gabungan tiga pasokan pencharagam yang terdiri dari Askar Melayu Di-Raja, Pulis Di-Raja dan Gurkha King Edward VII yang kedua.

Pada sa-belah pagi semalam juga, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam satu istiadat Mengadap dan menyembahkan ucapan keshukoran telah mendengar sembah ucapan2 dari Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf, Menteri Besar Brunei bagi pehak Kerajaan dan raayat; Pengetua Suruhjanjaya Tinggi British di-Brunei, Awang E.W. Bird, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha sa-bagai wakil Wazir2 Cheteria2, Kerabat2 Di-Raja dan menteri2 termasuk menteri2 pendalaman dan perserobahan ucapan2 yang tidak di-bacakan dari wakil2 Kaumi, persekutuan2 dan jabatan2.

Bagi membalas sembah ucapan2 itu Baginda telah bertitah yang seperti berikut:

"Di-dahului dengan segala puja2 serta selawat dan salam ka-pada Junjongan Agung kita Muhammad sal-lah-hu alaihi was-salam bersama2 dengan sahabat2 baginda, beta dengan hati yang tulus ikhlas bershukor ka-hadhrat Allah Subahanahu Wata'ala kerana melimpahkan rahmat dan kurnia-mya yang tidak terhingga ka-pada kita semua dengan keadaan kita serba mewah dan memberi pula kita tenaga untuk berkumpul di-majlis yang penuh dengan kemegahan dan kesuchian ini. Mudah2an negeri Brunei Darussalam yang di-chintai ini akan

(Lihat Muka 5)

Pengurniaan bintang2 dan pingat2

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 71 orang telah menerima kurnia Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei daripada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam satu istiadat mengurniakan bintang2 dan pingat2 yang berlangsung di-Lapau Bandar Brunei pagi semalam.

Yang Di-Mulikan ePhin Datu Seri Maharaja, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz telah mengepelai senarai yang menerima kurnia itu dengan pengurniaan Bintang Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati Darjah Kedua — D.K.

Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati Darjah Kedua — D.P.M.B. telah di-kurniakan ka-pada Awang Matnoor MacAfee, Pesuruhjaya Pilehan Raya.

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ke-



D.Y.M.M. dengan menaiki sa-buah Land Rover sedang membalas tabek ketika Baginda memeriksa barisan yang terdiri dari pertubohan2 awam.

M. B. SEMBAHKAN UCHAPAN KESHUKORAN

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof selaku ketua pentadbir telah melapadzkan ikrar seluruh pegawai2 dan kakitangan Kerajaan serta raayat untuk terus menyembahkan perkhidmatan bagi faedah negara dan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Ikrar ini telah di-sembah-

kan beliau dalam Istiadat Mengadap dan menyembahkan Uchapan Keshukoran sempena menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-23 tahun yang berlangsung di-Lapau, Bandar Brunei pagi semalam.

Dalam sembah ucapan itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyatakan beberapa kemajuan yang di-chapai di-sepanjang tahun lalu dalam pelaksanaan rancangan2 perkembangan negara dan kebajikan raayat.

Beliau perchaya bahawa kehidupan yang bernilai dan sempurna itu ada-lah memancar dari kebijaksanaan serta daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada meneruskan rancangan2 perkembangan ekonomi dan sosial sama ada pada bahagian Kerajaan mahu pun pada bahagian private.

Beliau berdatang sembah: "Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek sa-lama ini menyedari dengan sedalam2-nya had2 dan bahaya2-nya ekonomi Negeri Brunei Darussalam ini hanya bergantung kuat ka-pada pengeluaran minyak itu".

(Lihat Muka 8)

tiga telah di-kurniakan ka-pada Yang Berhormat Pehin Datu Temggong Awang Lim Cheng Choo dan Yang Mulia Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim.

Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan Bintang Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S.L.J. ka-pada Yang Mulia Awang Mohd. Ali bin Salleh, Yang Mulia Dr. D.N. Joshi dan Yang Mulia Awang Haji Khalidi bin Haji Abdul Karim.

Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati Darjah Ketiga — S.M.B. telah di-kurniakan ka-pada Yang Mulia Awang Mohd. Noor Aston dan Yang Mulia Dayang Simone Mutterell.

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat — P.S.B. telah di-kurni-

(LIHAT MUKA 8)

PENGARAH DBP SERU UMAT ISLAM

PELAJARI KANDONGAN MAKSUD AL-KORAN

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa, Dr. Haji Awang Mohamad Jamil Al-Sufri telah mengingatkan umat Islam di-negeri ini supaya mempelajari dan mendalami lagi isi2 maksud yang terkandung dalam kitab suci Al-Koran.

Pengarah Dewan Bahasa

dan Pustaka itu berkata demikian sa-masa beliau merasmikan Peraduan Membacha Al-Koran dan Sharahan Uagama Perengkat Daerah Brunei/Muara di-Madrasah Jabatan Hal Ehwal Uagama Bandar Brunei pada hari Ahad lepas.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu berkata, sa-tengah2 orang menganggap bahawa apa yang terchatet dalam Al-Koran itu hanya-

lah amalan untuk persediaan mata.

"Anggapan itu ada-lah salah, sa-benar-nya Al-Koran mengandungi perentah2 Tohan yang chukop lengkap untok di-ikuti oleh manusia dalam menchari kesempornaan hidup dalam semua bidang," tegas beliau.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka menambah kata, Al-Koran ia-lah sa-buah kitab yang paling suci dan paling agong dari semua kitab2 yang pernah di-turunkan oleh Allah kapada para Nabi sa-belum Mohammad.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu menekankan bahawa Al-Koran bukan saja di-bacha dengan berbagai lagu tetapi juga hendaklah di-pelajari isi2 maksud dan tujuan-nya kerana ia-nya mengandungi hikmati kesempornaan hidup dan mati manusia.

Terdahulu sa-belum itu, Nadzir Sekolah Uagama Daerah Brunei/Muara, Awang Mahalee bin Haji Abdullah dalam ucapan-nya antara lain telah menekankan kapada semua guru2 ugama supaya tidak merasa bosan dan jemu melateh dan mengajar murid2 dalam meninggikan taraf pembachaan Al-Koran dan Sharahan dan dalam berbagai bidang pelajaran ugama khusus-nya.

Sa-ramai enam orang peserta telah di-pilih untok mewakili Daerah Brunei/Muara ka-pertandingan perengkat negeri.

Mereka itu ia-lah Awang Dahlan bin Murad, Ak. Abd. Aziz bin Pg. Sabtu, Dayang Fatimah bte. Emran dan Dayang Sa'adiah bte. Metusin akan mewakili dalam bachaan Al-Koran dan Awang Abd. Rahman bin Bungsu dan Dayang Rosni bte. Yahya dalam peraduan sharahan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Uagama, Haji Awang Abdullah bin Metassan.

Penuntut2 di-seru supaya menggunakan kemudahan yang di-sediakan oleh kerajaan

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awang Mohamed Taib bin Awang Besar telah menyeru kapada semua penuntut2 di-negeri ini supaya menumpukan segala tenaga dan minat kaerah pelajaran dan ilmu pengetahuan serta menggunakan sa-penoh2-nya dan sa-elok2-nya kemudahan2 yang telah di-sediakan oleh kerajaan bagi bekalan untok hidup makmor, mewah, sentosa dan berdisplin di-waktu hadapan.

Dato Paduka Awang Mohamed Taib telah membuat seruan tersebut ketika beliau merasmikan pameran seni lukis dan pertukangan tangan sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei bagi kali kedua di-Sekolah Melayu Pusu Ulak, Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Beliau menyatakan bahawa para2 artis di-berbagai bidang ada-lah manusia2 yang mempunyai kebolehan dan bakat untok memancharkan apa yang di-lihat, di-dengar dan di-rasai serta di-alami di-kertas, kanvas mau pun bahan2 yang lain.

Beliau menegaskan bahawa negeri kita yang sedang membangun ini mempunyai banyak kejadian yang berlaku yang boleh di-jadikan bahan kapada para2 artis.

Di-majlis itu, Pemangku Setia Usaha Kerajaan juga menyeru penuntut2 baik yang di-sekolah2 rendah mahu pun yang di-sekolah tinggi supaya berusaha lebih giat lagi di-bidang seni yang di-minati bersama.

Dato Paduka Awang Mohamed Taib percaya baha-

wa Jabatan Pelajaran melalui sekolah2 di-seluruh negeri ini ada-lah memberi segala galakan kapada murid2 sekolah baik di-perengkat rendah mau pun di-perengkat tinggi untok mengasah bakat2 mereka sa-elok2-nya.

Turut juga memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Penyusun Latehan Kesenian Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Awang Mohamed Sum bin Hashim dan Che'gu Mohamed bin Jaafar selaku pengerusi majlis.

Dalam pameran itu, Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong Dua dan Brunei Dua telah mendapat tempat pertama dalam bahagian sekolah2 rendah. Tempat kedua telah di-menangi oleh Sekolah2 Melayu Brunei Satu dan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait tempat yang ketiga.

Dalam bahagian sekolah2 Menengah; Pertama Sekolah2 Melayu Belait, kedua Sekolah2 Melayu Temburong dan ketiga Sekolah Menengah Melayu Pertama (Pusat), Bandar Brunei.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan Dato Paduka Awang Mohamed Taib.

Pegawai kadet ka-Australia

BERAKAS. — Dua orang pegawai2 Kadet dari Askar Melayu Di-Raja Brunei, Karim bin Sapor dan Abdul Aziz bin Abdullah telah berlepas ka-Australia pada hari Rabu lepas untok menghad-

hiri kursus latehan di-Sekolah Latehan Pegawai Tentera di-Port Sea, Victoria.

Mereka akan berada di-sekolah itu sa-lama kira2 sa-tahun.

Belait rayakan Hari Keputeraan D. Y. M. M.

sa-lama sa-minggu

KUALA BELAIT. — Jawatan Kuasa Tertinggi Perayaan Perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-daerah Belait yang di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail, telah membuat keputusan bagi mendakan perayaan di-Daerah itu sa-lama sa-minggu mulai dari 20 hingga 27 Julai, 1969.

Di-antara lain achara2 perayaan yang akan di-adakan termasuk-lah pertandingan Ratu Keputeraan yang mana Sharikat M.S.A. telah bermurah hati untok memberikan satu tiket perchuma tambang kapal terbang dari Brunei ka-Singapura dan balek bagi chalun yang berjaya menyandang gelaran tersebut.

Pertunjokan bunga Angerek akan di-perluaskan lagi pada tahun ini dengan menggabungkan-nya dengan pertunjokan bung2an yang lain. Pertunjukan ini akan di-kelolakan oleh Persatuan Bunga Sa-Negeri Brunei dan Seria Garden Club.

Manakala pertunjukan pertukangan tangan wanita akan di-anjorkan oleh Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait.

Sa-bagaimana yang lazimnya sangat2 menarek perhatian orang ramai ia-lah perayaan di-ayer termasuk-lah lomba perahu dan moto-sangkut, perarakan kereta berhias dan tanglong, pasar gembara, pertunjokan kanak2 (Baby Show), persembahan malam aneka warna oleh kanak2 sekolah dan Belia2, pertunjukan kesenian dan kebudayaan antara bangsa, peraduan tarek tali, perlumbaan Go-Kart, perlawanan bola sepak, pertunjokan2 seni lukis dan pertukangan tangan bahagian kanak2 sekolah dan tidak ketinggalan pula pertunjukan2 yang berchorak keugamaan.

Kemunchak dari perayaan tersebut ia-lah Barisan Kehermatan yang akan di-adakan di-tanah lapang berdekatan dengan Jalan Panglima dan perarakan kenderaan2 perkhidmatan2 awam Kerajaan yang akan di-kepalai oleh kenderaan Polis.

Pertunjukan yang sa-umpama ini ada-lah julong2 kali di-adakan di-Negeri Brunei.

Allah menjadikan alam— dengan segala kemudahan untuk di-gunakan oleh manusia

KHUTBAH JUMA'AT

MENURUT maksud ayat2 suci Al-Koran dalam surat-ul-Ra'di (guroh) dari ayat 2 hingga 4, Allah menyatakan seperti berikut:

“Bahawasa-nya Allah yang meninggikan langit dengan tidak bertiang sa-bagaimana yang dapat kamu perhatikan dan dia (Allah) berkuasa di atas 'aras dan Allah memerintah matahari dan bulan menjalankan kewajipan, semua-nya itu bergerak mengikut perjalanan-nya menurut waktu yang di-tentukan. Dia (Allah) mengator dengan baik-nya urusan, menjelaskan keterangan2 semoga kamu menyakini akan menemui Tohan kamu. Dia-lah (Allah) yang membentangkan bumi dan mengadakan pada-nya gunung2 dan sungai2 dan dari tiap2 buah2an di-jadikan-nya berpasangan iaitu ada-nya jantan dan betina — di-tutup-nya siang dengan malam. Sesungguh-nya hal itu menjadi keterangan untuk gulungan yang menggunakan fikiran.

Dan di-atas bumi ini di-dapati beberapa bahagian (benua dan negeri) yang berdekataan dan di-dapati ladang2 yang subur seperti buah anggor. Dan di-dapati tumbuh2an yang menghijau dan pohon2 kurma yang berchabang dan yang tiada berchabang, di-sirami dengan ayer yang sama dan Kami (Allah) mengutamakan sa-bahagian-nya dari yang lain. Sesungguh-nya hal itu menjadi keterangan untuk gulungan yang menggunakan akal-nya.”

Kalau kita perhatikan maksud ayat2 suci Al-Koran itu tadi, di-antara lain dapat kita mengambil kesimpulan bahawasa-nya Allah subahanahu-wata'ala telah menjadikan alam ini dengan segala kemudahan-nya untuk kebahagiaan manusia yang menggunakan fikiran dan akal-nya, seperti bumi yang mempunyai hutan rimba, bukit bukau, gunung ganang, sungai2 dan benoh2 tumbuh2an yang mempunyai hasiat dan munafaat, yang mana segala kemudahan2 itu dapat di-gunakan oleh manusia untuk kebahagiaan hidup-nya.

Sa-bagai mithalan, rimba belukar, bukit2 dan lembah2, serta sungai2 dan ayer hujan dapat di-pergunakan dengan

“RIMBA BELUKAR, BUKIT2 DAN LEMAH2 DAN SUNGAI2 DAPAT DI-GUNAKAN DENGAN SA-BAIK2-NYA UNTUK DI-JADIKAN BAHAN BAGI MENINGGIKAN TARAF HIDUP DAN MENAMBAHKAN HASIL KEKAYAAN NEGERI DENGAN MENGADAKAN PERUSAHAAN2 PERTANIAN DAN BERBAGAI PERINDUSTRIAN”.

baik-nya, berdasarkan ilmu pengetahuan moden, termasuk lah kemajuan ilmu sains dan teknik untuk di-jadikan ladang2 yang subur, tumbuh2an yang menghijau, pohon2 yang mendatangkan hasil, semua-nya ini dapat di-jadikan bahan untuk meninggikan taraf hidup dan menambahkan hasil kekayaan negeri.

Apabila kita perhatikan negara kita Brunei Darus-salam, maka kita dapat segala kemudahan2 itu terdapat di-negara kita, rimba belukar, bukit2 dan lembah2, ayer sungai dan

ayer hujan, tetapi apa yang penting sekarang ini ia-lah ilmu pengetahuan, khas-nya ilmu pengetahuan moden dalam bidang sains dan teknik untuk menjadikan-nya ladang2 atau perusahaan dalam bidang pertanian dan dalam bidang perindustrian.

Perkara ini pernah di-sentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam majlis penyampaian sijil2 penuntut2 maktab Perguruan pada 21 Jun, 1969 sa-bagaimana titah Baginda:



“Dalam majlis ini juga beta berseru kepada semua penuntut2 perguruan di-negeri ini baik di-aliran belajar bahasa Inggeris mahu pun di-aliran belajar bahasa Melayu mudahan menggunakan sa-penoh-nya segala kemudahan2 yang sudah di-sediakan, seperti bangunan sekolah, bangunan kesihatan juga jabatan pertanian yang mempunyai kawasan ladang2, rimba belukar, halaman dan bukit2 dan lembah.”

Dan juga titah Baginda: “Pertanian sa-benar-nya satu dari laila usaha, galakkan kapada rajin bagi berusaha men-chari rahmat Tohan.”

Tutong pilih 6 orang wakil ka-peringkat negeri

TUTONG. — Sa-ramai enam belas orang kanak2 lelaki dan perempuan, dari sekolah2 di-Daerah Tutong, telah mengambil bahagian dalam pertandingan membacha Koran, dan sharahan ugama daerah itu, yang telah berlangsung di-Pekan Tutong, pada hari Sabtu

lepas untuk memilih enam orang peserta, bagi pertandingan peringkat seluruh negeri.

Enam orang yang terpilih itu ia-lah:—

Bachan Koran, Bahagian Lelaki — Awang Ali bin Apang dan Awang Mohd, Yusof bin Marsal.

Perempuan — Dayang Fari-dah binte Abu Hanifah dan Dayang Jariah binte Basni.

Dalam pertandingan sharahan ugama, Awang Husaini bin Haji Basir dan Dayang Safiah Sidek, telah mendapat tempat pertama dalam bahagian masing2.

Pertandingan itu telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh, dan hadiah telah disampaikan oleh isteri beliau.

Sementara itu, sekolah2 ugama di-Daerah Belait, telah mengadakan pertandingan yang sama pada hari Ahad di-Masjid Sultan Muhammad Jamalul Alam di-Kuala Belait.

Pertama dalam bahagian kanak2 lelaki dalam pertandingan membacha Koran, ia-lah Awang Ahmad bin Su, dan kedua Awang Haji Omar bin Haji Fauza.

Dalam bahagian kanak2 perempuan, Dayang Masni telah mendapat tempat pertama, dan Rabbiah binte Haji Rashid tempat kedua.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 16 Julai, 1969 hingga ka-hari Selesa 22 Julai, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
16	Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14
17	Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14
18	Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14
19	Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14
20	Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14
21	Julai	12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
22	Julai	12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

16 Julai, 1969.

ALLAH LANJUTKAN USIA D.Y.M.M.

SEMALAM 15 Julai, 1969 genap-lah usia Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-23 tahun. Hari keputeraan Baginda itu di-sambut dengan beranek perayaan dan seluruh rakyat sama-sama merayakan dengan penuh kegembiraan yang terbit dari semangat taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap Baginda sa-bagai panyong negara.

Sa-bagai sa-orang Sultan yang muda remaja, Baginda tidak di-ragukan lagi mempunyai sifat2 yang tidak lalai dengan tanggung-jawab yang begitu banyak terhadap rakyat dan negara dan ada-lah juga tidak di-ragukan tentang keaktifan dalam menyelesaikan sa-suatu kekusutan, baik dalam soal2 untuk kebajikan rakyat mahupun soal2 kemajuan ekonomi dan perkembangan politik negara.

Hasrat Baginda untuk menjadikan Negeri Brunei ini benar2 menikmati alam kemajuan yang setanding dengan negara2 moden yang lain di-dunia ini dapat-lah di-katakan bahawa waktu-nya semakin hampir di-mana nanti hasrat Baginda itu tidak lagi merupakan hasrat bahkan menjadi satu kenyataan.

Berkat pertunjak, pimpinan dan nasihat Paduka Ayahanda Baginda sapertimana harapan Baginda ketika melapadkan titah pertama dari Singgahsana pada 4 Oktober, 1967 ia-itu hari pertabalan Baginda maka ada-lah amat jelas bahawa jalan yang akan di-lalui Baginda untuk perkembangan dan kemajuan pesat negara ada-lah amat terang dan kita percaya tidak akan timbul kemungkinan2 yang bakal menyekat hasrat Baginda itu.

Satu perkara yang menjadikan seluruh rakyat dan penduduk negeri ini merasa terharu ia-lah lahir-nya ikrar Baginda dalam titah pertama itu bahawa Baginda akan melaksanakan tugas2 Baginda sa-bagai sa-orang Sultan dan akan menumpukan tenaga dan usaha memelihara keamanan, keselamatan, kemakmoran dan akan menjunjung nama baik Negeri Brunei Darussalam.

Untuk melaksanakan tugas2 itu Baginda berseru kepada pembesar2 negara, anggota2 Majlis2 Mashuarat dan rakyat jelata supaya memberikan kerjasama yang erat dan mutlak sa-bagaimana yang telah diberikan semasa Paduka Ayahanda Baginda memegang tampok pemerintahan.

Ada-lah amat wajar yang seruan Baginda itu di-sambuat dengan sa-puteh2 hati, lebih2 lagi hasrat Baginda itu ada-lah untuk kepentingan negara dan hasil-nya ada-lah kebahagiaan yang akan di-nikmati oleh seluruh rakyat.


Dari sini amat jelas betapa Baginda menyedari akan tanggung-jawab Baginda demi untuk kebahagiaan rakyat, kemakmoran, keamanan dan ketenteraman negara. Restu kita bersama: "Semoga Allah lanjutkan usia Baginda dalam keadaan sehat wal-afiat dan kekal khalid memerintah Negeri Brunei Darussalam."



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sedang membalas tabek kehormatan dalam perbarisan tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sedang membalas tabek kehormatan dari atas pentas yang di-bina khas bagi upacara perbarisan tersebut.

Pasokan2 Pengakap dan Pandu Puteri serta Boys Brigade ketika berbaris memberi penghormatan kepada Duli Yang Maha Mulia.



Gabungan tiga buah pancharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei, Polis Di-Raja dan pasukan pencharagam Gurkha Rifle King Edward VII yang kedua berjalan lalu di-hadapan pentas Di-Raja sambil memainkan lagu2 yang berentak mach dalam irama perlahan dan chepat.


GAMBAR2 DI-SEKITAR PERBARISAN PUJA USIA D.Y.M.M. YANG KE-23 DI-PADANG BESAR, BANDAR BRUNEI




D.Y.M.M. dengan menaiki sa-buah Land Rover sedang memeriksa barisan yang terdiri dari pertubohan2 awam dan barisan kanak2 sekolah yang berbaris di-sekeliling padang.



D.Y.M.M. sedang memeriksa barisan yang terdiri dari pasokan2 Askar Melayu Di-Raja, Polis Di-Raja dan pasukan Gurkha Rifle.



Sa-bahagian daripada pembesar2 negara yang telah hadir di-upacara perbarisan hari keputeraan D.Y.M.M.



Pasokan2 keselamatan yang mengambil bahagian ketika melepaskan tembakan kehormatan.

TITAH D. Y. M. M.

(DARI MUKA 1)

sentiasa di-berikati-nya dengan segala kemakmoran, kebahagiaan, kesentosaan dan ketenteraman zaman berzaman.

Uchapan2 selamat dan tahniah dari Yang Berbahagia Tuan Bird Pengetua Pesuruhjaya Tinggi Kerajaan British di-Brunei, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dan Duli Pengiran Pemancha yang mewakili Wazir2, Cheteria2 dan Menteri2 sekalian yang telah di-lapadkan di-majlis ini tadi serta dari waki2 masharakat, waki2 kaum, waki2 persatuan dan badan kebajikan, beta dengan ikhlas-nya menerima bayangan nyata bakti kasih seraya mengucap shukur dan banyak terima kasih.

Mudahan Beta tidak lupa akan segala do'a kebajikan dari seluruh lapisan laila rakyat Beta dan penduduk dari seluruh pelusok rantau negeri Brunei Darussalam yang sangat2 kita cintai ini. Laila ingatan yang berseih, puteh lagi sempurna ini. Insha Allah, akan memperkukuhkan lagi semangat serta azam Beta untuk mengusahakan negeri Brunei Darussalam yang mengandongi laila rakyat dan isi di-dalam-nya ka-jalan yang benar2 di-redhai Allah, sesuai dengan laila kemunafatan perkembangan2 dunia moden dan pembawaan2 yang sejahtera.

Alhamdulillah, Beta gembira mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru sahaja tadi itu yang menggambarkan perkembangan2 yang di-jalani oleh negara yang menuju, dengan seksama, ka-matalamat yang benar2 berbahagia. Dengan tempoh2 dan gerakan perjalanan perkembangan dan kemajuan2 pelaksanaan Kerajaan Beta sekarang, Beta yakin Insha Allah Negeri Brunei ini akan laila berkembang dan mengurak langkah sa-tapak demi sa-tapak pada menchapai ka-satu peringkat yang munasabah. Segala kemudahan2 dan infra-structure yang di-sebutkan, beta harap akan dapat digunakan sa-penoh-nya oleh rakyat Beta bagi faedah dan munafat bersama.

Aktibiti2 Kerajaan Beta sa-bagai sa-buah Kerajaan yang progresif dan dinamik telah di-lancarkan semata2 untuk membangun sa-buah negara yang laila moden dan masharakat yang setimbal dan dengan sifat kesejahteraan maka Kerajaan Beta sentiasa menerima segala tegoran dan keritik yang membena yang tidak terkeluar dari garis2 kasar tata tertib hidup yang di-redhai Allah Subhanahu Wata'ala demi memperbaiki jentera pemerintahan, berusaha menchari rahmat-nya mudahan kita dapat menikmati-nya. Walau macham mana pun, Kerajaan Beta akan menentang segala anasir2 sebersif dan samsing2 yang sengahai untuk menghasut serta menghanchor le-borkan keharmonian, keselamatan, keamanan dan ketenteraman negara kita Brunei Darussalam. Amaran yang sa-keras2-nya di-saat yang mulia ini Beta berikan kepada mereka2 yang chuba untuk berbuat kekejaman dan mereka yang engkar daripada mengharumkan dan melambangkan nama baik Brunei Darussalam. Akibat-nya ada-lah burok kepada semua pehak lebih2 lagi pehak yang jahat.

Dalam mengamalkan dasar berbaik2kan, Negeri kita Brunei Darussalam memang mengamalkan anutan berbaik2 dengan jiran2 yang baik, laila hormat menghormati tetapi mempunyai hak mutlak masing2 dan berasingan. Beta dan pegawai2 Kerajaan Beta yang Beta pilih akan terus mengadakan perundingan2 dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen semata2 untuk mengeratkan persahabatan dengan Kerajaan United Kingdom, terutama sekali pada mengukuhkan perjanjian mengenai pertahanan bersama bagi mempertahankan keselamatan luar dan dalam negeri bagi faedah2 mengekalkan keamanan sa-bagai asas kema'amoran negeri ini.

Usaha2 akan di-laksanakan supaya perjanjian persahabatan diantara kedua2 Kerajaan ini, ya'ni (Kerajaan Baginda Queen) akan dihormati oleh kedua2 belah pehak. Di-saat ini Beta ingin memberikan penghargaan Beta yang maha tinggi kepada ketua2 jabatan, pegawai2 dalam Perhidmatan Pentadbiran Brunei, demikian juga kepada semua laila lapisan masharakat kerana jasa baik yang telah di-berikan dalam usaha kejujuran atau usaha yang jujur untuk menentukan kelancaran perjalanan pentadbiran Kerajaan Beta dan demi mengawasi ranchangan2 kemajuan negara sa-hingga sempurna.

Beta ingin mengatakan penghargaan Beta khusus-nya kepada pegawai2 dari seberang laut yang bertugas bersama2 bahu-membahu dengan pegawai2 Kerajaan Beta pada menjayakan usaha laila chita2 Kerajaan Beta. Dalam pada itu, Beta perchaya dan mengharap pegawai2 dari seberang laut akan terus memberikan perkhidmatan2 baik serta menumpukan tenaga mereka bulat2 kepada negeri ini serta mengindahkan tanggung-jawab dan tugas yang di-berikan kepada mereka bagi kepentingan Negeri Brunei Darussalam, kerana hanya dengan jalan itu saja harapan2 Beta bagi mengelakkan dan membahagiakan negara Brunei ini dapat di-jalankan dengan sempurna.

Awang2 dan Dayang2 semua, Beta ingin menegaskan bahawa bumi negeri ini tidak mempunyai lapangan untuk menjadi tempat kediaman yang jati chara perputra2. Awang2 dan Dayang2 rakyat Beta sekalian khas-nya, Kerajaan Beta bukan sahaja memerlukan pegawai2 yang benar2 mempunyai kelayakan dan kebolehan yang chekap, tetapi juga mementingkan pegawai2 yang tahu menghormati chara2 hidup yang beradat yang telah di-turun temurunkan di-negeri ini. Kerajaan Beta sama sekali tidak mempunyai sebarang keraguan untuk menyingkirkan jika terdapat pegawai2 yang tidak sesuai dan lebih2 lagi jika di-fikirkan akan membahayakan negeri ini. Walau bagaimana pun, Beta harap pegawai2 yang ada pada masa ini tidak mempunyai sifat2 yang tidak sa-chuchok dengan Kerajaan Beta pada melaksanakan usaha2 kerana Allah bagi menyerikan mutu kebahagiaan negeri kita Brunei.

Uchapan2 terima kasih juga tidak lupa Beta berikan kepada pasokan keselamatan negeri ini tegas-nya Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Pasokan Polis Di-Raja Brunei dan juga Angkatan Bersenjata yang di-pinjamkan dari United Kingdom (tentera Baginda Queen) kerana usaha2 mereka dilapangan keselamatan yang sangat chemerlang dan sungguh mengagumkan.

Sa-bagai penutup, sekali lagi Beta mengucapkan terima kasih kepada Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Menteri2, Tuan Bird, Pengatua Pesuruhjaya Tinggi Kerajaan British di-Brunei, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pegawai2 Kerajaan, Anggota2 Keselamatan dan rakyat Beta sekalian. Beta berdo'a semoga negara dan rakyat yang Beta cintai akan sentiasa di-beri rahmat dan di-berkati dengan segala kebahagiaan, kemakmoran dan kesentosaan, bersungguh2 melambangkan nama baik Brunei Darussalam yang kita kasahi ini.

Terima kasih.

APA DIA SEMANTIK?

PERBINCHANGAN kita kali ini berkisar dalam istilah 'eufemia' atau 'eufemismus' yang saya sebutkan pada akhir Siri Ke-empat 'Apa Dia Semantik?' dua minggu lepas.

Ada pun istilah 'eufemia' berasal dari bahasa Yunani atau dalam bahasa Latin-nya ia-lah 'eufemismus dengan arti bahasa penghalus, pelembut, pemanis.

Istilah ini meliputi sa-kurang2-nya tiga kawasan: dalam bidang keperchayaan, bidang sosial (masyarakat) dan bidang sopan santun. Mithal-nya, orang2 yang berburu di-hutan menyebut harimau dengan kata 'nenek', 'si-tua' atau 'pak belang'. Orang yang di-pechat atau diberhentikan dari jawatan mereka di-sebut dengan kata 'mereka di-remajakan.' dan orang2 yang hendak ka-tandas mengatakan 'hendak ka-bela-kang' dan sa-bagai-nya.

Bagai renongan kita bersama kali ini kita ambil-lah saja bahasa pemanis di-bidang sosial (masyarakat). Terlebih dahulu saya akan bachakan sa-buah risalah pindek mengenai tajok 'Tujuan Hidup'. Sa-sudah itu baru-lah saya berikan kiasan halus atau bahasa pemanis yang sesuai di-pakai kepada mereka2 yang tidak punya 'tujuan hidup' yang tertentu dalam kehidupan mereka itu.

Banyak manusia tidak mempunyai tujuan hidup yang tertentu. Mereka ada-lah ba-gaikan bahtera tanpa pedoman, belayar mengikut arah hembusan angin sahaja. Mereka hidup bergantung kepada nasib sa-mata2, sa-olah2 puntung kayu yang terombang-ambing di-atas permukaan ayer laut, mengikut aluan ombak, melaut atau memantai. Beberapa daripada mereka itu ada juga yang sa-bagai manusia berfahaman sa-perti 'getah chair' — tidak punya pendirian tetap di-dalam sa-suatu hal.

Sa-orang manusia harus-lah mempunyai suatu tujuan-hidup yang tertentu. Sa-orang manusia itu dapat-lah di-umpamakan sa-bagai sa-buah kapal yang punya pedoman dan berlayar ka-arrah suatu

tujuan yang tertentu, katakan-lah berpandukan kepada hembusan angin, tetapi yang di-gerakkan, di-lajukan oleh tenaga mesin-nya sendiri, bahkan walaupun ada angin taufan, ia dapat terus maju ka-hadapan dengan gagah-nya.

Memang tepat-lah kira-nya kalau kita ingat peribahasa yang berbunyi 'Hujan panas permainan hari, senang susah permainan hidup.' Dengan arti bahawa dalam kehidupan sa-hari2, tidak-lah kita akan terlepas daripada keadaan senang dan susah-nya, suka dan duka-nya. Hanya yang mesti menjadi salah satu bekal hidup kita pula ia-lah petua2 lama yang berkata bahawa 'di-mana ada kemahuan di-situ ada jalan.'

Maka sa-bagai sa-orang manusia, kita memerlukan chita2 yang bukan saja terpanchang sa-bagai panji2 bendera di-hadapan kita, tetapi yang harus kita chuba sa-daya upaya menchapai-nya. Sa-barang apa chita2 yang kita azamkan itu harus-lah kita perjuangkan dalam arti dengan tidak jemu-nya berusaha menchapai-nya. Umpama-nya, belajar, belajar, belajar hingga dapat sijil rendah, menengah, atas, maktab, universiti dan sa-terus-nya. Oleh kerana sa-orang yang hendak menchapai puncak Everest — Gunung Himalaya — umpama-nya, harus-lah ia-memanjat, mendaki

Oleh

Awang Raymond Phoa Kim Hong

SIRI KELIMA

ka-atas, bukan hanya memandang-menatap-nya dari bawah. Bukan-kah pepatah Melayu telah mengatakan, 'Orang yang menunggu di-perigi itu masakan ia mati dahaga,' dalam arti orang yang berdampingan dengan orang yang berilmu itu tidak-lah akan menjadi bodoh sahaja.

Manusia dalam dunia ini punya chita2 yang beranika ragam. Ada yang hanya berchita2 menerima sahaja sa-olah2 dia menganggap Allah subhanahu-wataala, dunia samesta alam dan sekalian-nya makhlok manusia berhutang budi kepada-nya. Ada pula yang hanya berchita2 memberi sahaja tanpa perkiraan sama sekali sa-bagaimana disebut dalam perumpamaan, "Seperti sumbu pelita, menerangi orang lain membakar diri sendiri" — dengan makna orang yang sanggup mengorbankan diri-nya kerana berkhidmat atau berjasa kepada orang lain, tak mengira keadaan diri-nya.

Walau bagaimanapun, sa-barang apa saja chita2 sa-seorang itu, harus-lah ia-nya baik dan mulia. Kalau pakar2 bahasa dan sastera berkata bahawa bahasa itu ada-lah chermin fikiran, perasaan dan pengalaman dalam arti bahasa perchakapan, pertuturan sa-saorang itu dapat kita lihat dan ketahui isi fikiran, perasaan dan pengalaman-nya sekarang maupun kelak. Oleh kerana tujuan hidup atau chita2 baik akan mengakibatkan sa-orang itu baik, demikian juga-lah sa-balek-nya.

Memang benar juga, tidak-lah semua-nya chita2 yang di-chita2kan sa-seorang itu terakabul ataupun wujud, itu sebab-nya ada manusia perchaya kepada takdir dan itu sebab-nya Pujangga Inggeris Shakespeare berkata, 'Dunia ini bagaikan pentas sendiwar dan manusia di-dalam-nya bagaikan pelakun, masing2 dengan peranan-nya sendiri'.

Tetapi, bagi kita yang mustahak sekali ia-lah dengan ada-nya tujuan hidup tertentu atau chita2 mulia di-depan mata fikiran kita, maka dengan sendiri-nya pula haruslah Hong Kong. Ia-nya bu-

ada kemahuan dan dengan sendiri-nya pula akan diikuti oleh jalan-nya. Patut-lah sering kita mendengar orang berseru, 'Life is a struggle' — hidup berarati berjuang menchapai sa-suatu katakan-lah sijil Cambridge, atau Sijil H.S.C. bagi mereka yang duduk dalam form 5 dan Upper 6.

Pindek kata, sa-sudah sa-seorang itu mempunyai tujuan hidup tertentu — chita2 mulia, maka harus-lah pula ia mempunyai kemahuan yang tak kunjung padam. Kerana, kebanyakan daripada usaha2 manusia yang gagal, tidak berjaya, berpuncha kepada kurang-nya kemahuan atau kerana lemah-nya kemahuan.

Tidak-kah pernah saudara-saudari mendengar sa-orang pelajar berkata dengan menge-luh, "Ah, apa guna-nya belajar terus, toh akan gagal juga dalam peperiksaan akhir tahun ini," atau "Ah, tak dapat-lah saya belajar, sangat sukar di-mengerti, lebeh baik angkat tangan saja, chari kerja saja." Yah, kata2 demikian harus-lah di-jauhkan. Sa-bagaimana pernah di-katakan oleh Kaisar Perancis zaman dulu, ia itu Napoleon, "Kata mustahil atau pun tidak mungkin tidak terdapat dalam perbendaharaan kata kamus dan ensiklopedia saya!."

Bagi orang yang tidak punya chita2 tertentu apa yang harus kita katakan, nasihatkan? Haruskah kita katakan dengan kasar, "He, jangan bodoh-lah!". Sudah tentu tidak harus kita pakai istilah 'eufemia' atau 'eufemismus', bahasa pemanis, umpama-nya, "Tanam-lah padi, agar kelak saudara menuai padi dan mendapat beras!."

Dua minggu akan datang akan saya akhiri tajok perbinchangan 'Apa Dia Semantik?' dalam siri ke-enam, dengan mengulas sa-mula satu pokok perbahasan yang telah pernah atau di-mulai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Mohammad Jamil, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei ia-itu mengenai istilah 'kunjung'.

PERKHIDMATAN POS DI-SUNGAI TUTONG

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perkhidmatan Pos, telah menulakan perkhidmatan-pos melalui sungai di-tujuh belas buah kampung di-tebing Sungai Tutong, sejak 12 Julai lepas.

Moto sangkut dari jabatan itu, akan menjalankan tugas-nya di-empat belas buah kampung antara Lubok Pulau dan Rambai pada hari Isnin, sementara hari Rabu di-tiga buah kampung, ia-itu antara Rambai dan Keranching.

Di-tiap2 kampung ia-nya akan singgah sa-lama lima minit, mulai dari Lubok Pulau, yang di-jadualkan akan tiba pada pukul 8.20 pagi.

Pada tiap2 hari Rabu, moto sangkut itu bertolak dari Rambai pada pukul 10.00 pagi, menuju ka-Keranching dan singgah di-Kuala Ungar dan Benutan.

Ketua Pos Agong Haji Ali Khan berkata, perkhidmatan itu ada-lah terhad kepada penjualan stem2 dan menerima surat2 biasa.

SI-TUYU oleh: m.salleh ibrahim

LUAN BATABIAT! NASINYA LAKAT LAGI TAHAN2...

NAH! AYAS MAKAN

JANGAN DIAJAR MAKAN SUAP, KATULARAN KARANG.....

LAUK SAJA!...

YANG DIBUAT DIRI ATU APA?.....

PG. SETIA NEGARA DI-LANTEK MENJADI M.B.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah melantek Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim sa-bagai Menteri Besar Brunei.

Istiadat mengurniakan surat tauliah itu telah di-langsungkan di-Lapau Bandar Brunei pada hari Khamis lepas.

Surat tauliah itu telah di-bachakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Haji Abdul Hamid.

Sa-baik2 sahaja selesai surat tauliah itu di-bachakan, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof pun mengangkat sumpah.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara telah memegang jawatan sa-bagai Pemangku Menteri Besar sejak 1 Jun, 1967 dan sebelum itu Yang Amat Mulia telah memegang jawatan sa-bagai Setia Usaha Kerajaan.

Antara yang hadir di-istiadat tersebut ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Pengetua Surohanjaya Tinggi British, Awang E.W. Bird, Yang Amat Mulia Cheteria2, Ahli2 Yang Berhormat dan pegawai2 kanan kerajaan.

Istiadat tersebut telah di-akhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Yang Di-Muliakan Pehin Udana Khatib Awang Tamin bin Abdul Hamid.



D.Y.M.M. sedang menyampaikan surat tauliah kepada Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof.

“GELARAN PEHIN ORANG KAYA RATNA DI-RAJA”

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam satu istiadat di-Lapau, Bandar Brunei pagi semalam telah berkenan menaikkan pangkat gelaran kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin menjadi Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja.

Pengishtiwaran bagi menaikkan pangkat kepada beliau itu telah di-bachakan oleh Yang Mulia Mudim Awang Md. Yusof bin Abdul Latif.

71 ORANG DI-KURNIAKAN BINTANG2 DAN PINGAT2

(DARI MUKA 1)

kan kapada Yang Mulia Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Metali dan Yang Mulia Dayang Norma Villena.

Tujuh orang telah menerima Pingat Hassanah Bolkiah Sultan Pangkat Pertama — PHBS 1. Mereka ia-lah Awang Abdul Rahman bin Nasir, Pengiran Ahmad bin Pengiran Damit, Pengiran Haji Lampoh bin Pengiran Apang, Awang Haji Buntar bin Mat Tahir, Awang Wong Hong Siang, Dayang Dr. (Mrs) De La Pina dan Awang Dr. D.N. Joshi.

18 orang telah di-kurniakan Pingat Hassanah Bolkiah Sultan

Pangkat Kedua — PHBS. 11. Mereka itu ia-lah:

Awang Mahmud bin Haji Bakir, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad, Awangku Mohammad bin Pengiran Duraman, Pengiran Damit bin Pengiran Abu Bakar, Awang Ibrahim bin Abdul Latif, Pengiran Timbang bin Pengiran Haji Tajuddin, Pengiran Idris bin Pengiran Shahbandar Haji Mohammad, Awang Sidek bin Yahya, Awang Yap Hiap Khoo, Awang Haji Idris bin Md. Tahir, Dayang Changkeh binte Lampoh, Awang Ajak bin Tali, Awang Chuchu bin Yaakup, Awang Abd. Kadir bin Abdul Rahman, Awang

Hamdani bin Haji Abdul Rahman, Awang Jambol bin Yaakub, Awang Abdullah bin Aman dan Dayang S.J. MacIntyre.

Yang Di-Muliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Metali bin Md. Yassin telah di-kurniakan Pingat Jasa Kebaktian

33 orang telah di-kurniakan Pingat Kerja Lama, Mereka ia-lah: Awang Abdul Hamid bin Haji Hitam, Awang Md. Jamil bin Ahmad, Awang Asmat bin Lamit, Awang Nayan bin Gabor, Dato Ratna Haji Md. Ja'afar bin Jamaluddin, Orang Kaya Maharaja Dinda Awang Haji Saman bin Haji Tamit, Awang Yahya bin Hassan, Awang Ibrahim bin Said, Dato Mahawansa Haji Sulaiman bin Haji Menudin, Pengiran Omar bin Pengiran Haji Sulaiman, Awang Wong Ah Fatt, Pengiran Damit bin Pengiran Abu Bakar, Awang Abdul Latif bin Talip, Awang Khamis bin Haji Lamat, Awang Md. Diah bin Haji Layeh, Awang Mohsin bin Ahmad, Awang Mohin bin Hussain, Awang Jali bin Radin, Dayang Helen Chong Tet Kong, Awang Bakar bin Gabor, Awang Ibrahim bin Osman, Pengiran Johari bin Pengiran Ahmad, Awang Ghafar bin Ibrahim, Awang Ahmad bin Sulaiman, Awang Yusof bin Dollah, Awang Saman bin Haji Nayan, Dayang Hajjah binte Omar, Dayang Hajjah Saleha binte Md. Daud, Dayang Rosni binte Abdul Hamid, Awang Yahya bin Md. Said, Awang Ali bin Rimong, Awang Md. Hussain bin Zainal dan Awang John F. Keasberry.

Sgt. 135 Awang Besar bin Abdullah telah di-kurniakan Pingat Pulis Di-Raja Brunei.

Di-antara yang hadir dalam Istiadat2 yang berlangsung di-Lapau itu termasuk-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof Pengetua Surohanjaya Tinggi British, Awang E.W. Bird, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pegawai2 Kanan Kerajaan, Kerabat2 Di-Raja, Orang2 Keramaian dan Ketua2 Kaum.

Istiadat2 itu telah di-akhiri dengan do'a selamat yang di-bachakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Dato Seri Maharaja.

M. B. SEMBAHKAN UCHAPAN KESHUKORAN

(Dari Muka 1)

Yang Amat Berhormat berdatang sembah bahawa raayat dan penduduk ada-lah bersyukur dengan ranchangan kemajuan dan usaha2 Kerajaan Baginda yang sedang di-jalankan pada masa ini dan terus memperlakukan ranchangan2 yang berupa infrastructure ekonomi dan sosial.

“Ini pada asas-nya membolehkan raayat dan penduduk yang baik menjalankan peranan masing2 pada meninggikan taraf hidup mereka sambil memperluaskan dan menyuburkan sumber2 kehidupan supaya kedudukan bersandar kuat kepada hasil minyak tanah itu akan dapat di-longgarkan”.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjunjung tinggi atas semangat dan kebijaksanaan Baginda pada mengelakkan shariat2 melombong minyak yang berdasarkan sebarang kekayaan yang terdapat di-negeri ini hendak-nya memberikan faedah yang sa-tinggi2-nya kepada negeri ini dengan tidak mengechewakan mereka yang mengendalikan pengorekan minyak itu.

Beliau berdatang sembah bahawa dengan kebijaksanaan Baginda itu-lah maka hasil2

dari melombong minyak itu telah bertambah dan banyak lagi shariat2 minyak yang lain memohon dan di-berikan kebenaran untuk melombong minyak di-negeri ini.

Selanjut-nya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyembahkan tentang kemajuan2 dalam berbagai bidang termasuk pelajaran, kesihatan dan perubatan, kebajikan dan usaha2 yang mendukung kemajuan dan perkembangan Ujama Islam dan Bahasa Melayu sa-bagai ujama rasmi dan bahasa rasmi negara.

Beliau berdatang sembah bahawa ada-lah di-harapkan perkembangan ujama dan Bahasa Melayu ini akan dapat menjadi asas dan penjalın bagi perpaduan bangsa yang merupakan satu kumpulan masyarakat Brunei yang kukuh.

Beliau menyembahkan ke-perchayaan bahawa hanya dengan persatuan chara hidup yang seperti ini sahaja yang boleh menjamin kebebasan kita dari kekacauan perkauman sapertimana yang telah berlaku baharu2 ini di-negara2 lain.

Beliau menyembahkan: “Berthabit dengan ini pemikiran2 sedang di-tumpukan pada masa ini kepada beberapa per-

ubahan dan penyesuaian dalam bidang2 Imigresen, kemasokan buruh2 dan tenaga2 dari luar negeri, sistem dan isi2 pelajaran terutama sekali dasar mengenai sekolah2 sama ada kepunyaan Kerajaan atau bukan, dasar pemilikan tanah dan lain2 perkara yang utama bagi faedah2 kepentingan raayat dan negara.”

Beliau juga berdatang sembah bahawa raayat negeri ini tidak dapat melupakan kebijaksanaan Baginda pada mengukuhkan persahabatan di-antara Kerajaan Baginda dengan Kerajaan Baginda Queen.

“Langkah2 Duli Tuan Patek yang bernas itu ada-lah semata2 bagi faedah2 asas keselamatan, kemakmoran dan kebahagiaan hidup raayat dan penduduk negeri ini.”

Beliau juga menyembahkan ucapan keshukoran dan terima kasih raayat dan penduduk negeri ini terhadap perkhidmatan2 yang telah di-berikan oleh Pasokan Pulis Di-Raja dan Askar Melayu Di-Raja yang telah bahu membahu dengan pasokan bersenjata yang di-pinjamkan oleh Kerajaan British bagi mempertahankan dan menjaga keselamatan dan ketenteraman negara.